



BANGGA...Shahwahid (lima dari kiri) meraikan kejayaan warga UPM dalam pameran reka cipta antarabangsa Oktober lalu.

WARGA UPM LAKAR SEJARAH

Oleh Hanneeyzah Bariah
Baharin
am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) melakar sejarah tersendiri apabila berjaya memenangi anugerah dalam penyertaan kali pertama universiti itu dalam dua pameran reka cipta antarabangsa di London dan Jerman, 21 hingga 31 Oktober lalu.

UPM berjaya membawa pulang satu anugerah khas, lapan pingat emas dan dua pingat perak bagi pameran reka cipta British, iaitu pertandingan terbesar di United Kingdom yang berlangsung di Alexandra Palace, London pada

Menangi anugerah
dalam dua pameran
reka cipta
di London, Jerman

21 hingga 24 Oktober lalu.

Tiga lagi pingat emas, empat pingat perak, satu pingat gangsa dan satu anugerah khas Switzerland berjaya dimenangi UPM dalam pameran penemuan dan produk baru di Messezentrum, Nuremberg, Jerman 28 hingga 31 Oktober.

Dalam pameran itu, Malaysia diwakili enam peserta daripada Fakulti Kejuruteraan iaitu Dr Fahrul-Razi Ahmadun, Dr Mohamad Razali Abd Kadir, Dr Wong Shaw Voon, Hanif Yaacob dan Ratnasamy Muniandy dan Dr Robiah Yunus.

Menurut Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM, Mohd Shahwahid Othman, dalam kedua-dua pameran yang disertai lebih 25 negara itu, UPM menghantar 16 penyertaan dengan lapan penyertaan ke pameran di London dan lapan lagi di Jerman.

Beliau berkata, peluang menyertai pameran itu amat bermakna kerana peserta diberi peluang menyertai pertandingan peringkat antarabangsa yang berupaya menaikkan martabat pencipta produk tempatan di mata dunia.

"Pameran itu bukan saja memberi peluang UPM mempertandingkan produk penyelidikan UPM ke arena antarabangsa, malah berupaya menaikkan kemampuan dan martabat penyelidik tempatan di mata dunia.

"Produk yang berjaya juga akan dikomersialkan dan sudah tentu ia akan memberi pulangan lumayan dan membanggakan," katanya pada sidang media di universiti itu, di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Robiah Yunus, satu-satunya wakil wanita dari fakulti kejuruteraan universiti itu yang berjaya memenangi dua pingat emas dan satu pingat perak hasil produknya menyifatkan kemenangan itu sebagai pengiktirafan di atas usaha kerasnya selama ini.